



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN YAM TUAN RADIN
UJIAN PENGUKUHAN PDPR 2021
TINGKATAN 2

NAMA : _____

TINGKATAN : _____


Bahagian A
(Soalan 1-20)

Soalan 1-6

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai

1. Apabilasahaja peristiwa ngeri itu, Pak Mail akan menangis sendirian.
A termangu
B terngiang
C terimbas
D terkenang
2. Semua makanan hendaklah menjaga kebersihan tempat penediaan makanan.
A pengendali
B penyewa
C pengawal
D pengundi

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. itu sesak dengan kenderaan yang menuju ke pasar di Tebrau.
A Jejambat
B Jejantas
C Kekuda
D Kekisi

4 para pelabur berasa apabila mendapat barita bahawa syarikat pelaburan skim cepat kaya itu telah diserbu oleh polis.

- A gentar
- B bimbang
- C ngeri
- D getir

5 Kanak-kanak itu menangis Disuntik oleh doktor yang merawatna.

- A lalu
- B kerana
- C sambil
- D supaya

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah



6 Kami terpaksa Anak sungai itu kerana tiada titian.

- A merentas
- B merintangi
- C merempuh
- D mengharungi

Soalan 7-8

Ayat-ayat yang berikut ***mungkin betul*** dan ***mungkin salah*** . Jika ***terdapat kesalahan*** . Kesalahan itu telah ditandakan dengan ***A, B*** atau ***C*** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan ***D*** .

Pilih jawapan yang ***paling sesuai*** .

7 Majalah-majalah yang bertimbun-timbun itu kami baca. Tiada kesalahan

- A B C D

8 Sultan Zanariah akan berangkat untuk bercemar duli dalam majlis jamuan diraja

- A B C

yang akan diadakan di sebuah hotel terkemuka. Tiada kesalahan.

D

Soalan 9

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan **berhuruf condong** dengan betul.

- 9 I Dia meronta-ronta sekuat tenaga tetapi tidak juga *lepas*.
II Mereka tidak *lepas* daripada menghadapi pancaroba kehidupan.
III *Lepas* makan tengah hari, bolehlah kita berjalan-jalan.
IV Keterangan yang telah diberikan itu tidak begitu *lepas*.

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 10 dan 11

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan bahasa** dan **mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan

- 10 Malik tergaman bila dimaklumkan yang cerpennya dipilih sebagai pemenang dalam pertandingan menulis cerpen antara kelas.
A bila dimaklumkan bahawa
B apabila dimaklumkan yang
C apabila dimaklumkan bahawa
D bila dimaklumkan yang
- 11 Pulau itu adalah di antara pulau yang diiktiraf tercantik di negeri Johor.
A ialah antara pulau
B adalah antara pulau
C ialah di antara pulau
D adalah di antara pulau

Soalan 12

Pilih ayat yang mempunyai **maksud yang sama** atau **maksud yang paling hampir** dengan **ayat yang dicetak tebal**.

- 12 **Semangat cinta akan tanah air perlu dipupuk dalam kalangan remaja untuk membentuk Masyarakat yang sanggup berkorban demi negara.**
A Demi negara, semangat cinta akan tanah air perlu dipupuk dalam kalangan remaja.
B Untuk membentuk masyarakat yang sanggup berkorban demi negara, semangat cinta akan tanah air perlu dipupuk dalam kalangan remaja.
C Remaja perlu ada semangat cinta akan tanah air dan sanggup berkorban demi negara.
D Remaja yang sanggup berkorban demi tanah negara dapat dilahirkan melalui pemupukan semangat cinta akan tanah air.

Soalan 13 dan 14

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

13. I Tahap kebersihan gerai-gerai itu amat diragui.
II Siapakah pemuda yang datang ke rumah kamu petang semalam?
III Eh, lama sungguh kita tidak berjumpa!
IV Sila berikan kek colat ini kepada Mak Usu.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
14. I Aduhai, sakitnya dahiku kerana terhantuk tiang di sekolah!
II Nenek menerima rawatan di hospital sejak bila?
III Rencana itu membincangkan punca-punca rasuah berlaku.
IV Harap kalian sudi datang ke rumah terbuka keluarga saya esok.
- A I dan IV sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 15 dan 16

Pilih **peribahasa** atau **maksud peribahasa** yang **paling sesuai**.

15. Izwan telah menolak tawaran bekerja di Kuala Lumpur kerana menunggu tawaran daripada syarikat di Johor.
Peribahasa yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah
- A gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah
B harapkan guruh di langit, air tempayan dicurahkan
C kais pagi makan pagi, kais petang makan petang
D carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum juga
16. Puan Rosma menjemput kami makan di rumahnya sebagai menghargai pertolongan kami.
Peribahasa yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah
- A orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa
B lembu punya susu, sapi dapat nama
C pahit dahulu manis kemudian
D jauh bau bunga, dekat bau tahi

Soalan 17 hingga Soalan 20

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

PEGUAM BELA : Yang arif, saya sambung kembali hujah saya. Adapun kambing yang sangat kurus dan lapar itu juga tersangatlah letihnya sehingga matanya pun sudah menjadi kabur dan berpinar-pinar. Ini menyebabkan kambing itu tidak nampak kulit pisang, sehingga terkais olehnya makanan kegemarannya itu ke atas jalan raya. Malang tidak berbau, seorang nenek yang sedang berjoging menghampirinya ... kambing terkejut dan cabut lari. Nenek tua itu terpijak kulit pisang dan jatuh ... sampai ajalnya dia pun mati.

Dengan ini jelas bahawa Bulat dan Leper tidak terbabit dalam soal ini. Yang bersalah, bukannya Bulat, tetapi kambing kurus. Oleh sebab itu, bukan Bulat yang harus dihukum, sebaliknya kambing kuruslah yang perlu dihukum.

Ya, yang arif, saya kira fakta ini cukup jelas dan tidak meragukan, dan saya mohon mahkamah yang mulia menjalankan keadilannya dengan membebaskan Bulat bin Leper daripada tuduhan membunuh secara tidak sengaja, tanpa syarat.

Sekian hujah-hujah saya. Mohon pertimbangan yang arif, tuan hakim. Terima kasih.

(Dipetik dan diubah suai daripada drama 'Mahkamah', antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 17 Apakah tuduhan yang dikenakan kepada Bulat bin Leper?
- A Membuang sampah di merata-rata tempat
 - B Membiarkan haiwan ternakannya berkeliaran di tempat awam
 - C Mencari kambing
 - D Membunuh secara tidak sengaja
- 18 Yang berikut ialah sebab-sebab kambing tidak nampak kulit pisang di tepi tong sampah tersebut, kecuali
- A kambing itu sangat letih
 - B kambing tersebut sangat lapar
 - C kulit pisang dipijak oleh nenek
 - D mata kambing pudar dan berpinar-pinar
- 19 Pernyataan yang berikut tidak benar tentang nenek tua tersebut.
- A Terjatuh akibat terpijak kulit pisang
 - B Meninggal dunia
 - C Pemilik kambing
 - D Suka berjoging
- 20 Pengajaran yang berikut terdapat dalam petikan drama di atas, kecuali
- A Kita hendaklah tidak membuang sampah di merata-rata tempat.
 - B Kita hendaklah berbuat baik kepada haiwan peliharaan.
 - C Kita hendaklah bijak dalam menyelesaikan sesuatu masalah.
 - D Kita hendaklah mengutamakan kesihatan dengan bersenam.

Arahan : Jawab semua soalan dalam, Bahagian B.

BAHAGIAN B

(15 markah)

Soalan 1

Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan bahasa. **Tulis jawapan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i) Penduduk di Kawasan setingan itu tetap tidak mengindahkan arahan pihak berkuasa untuk berpindah dari situ.

- ii) Cikgu Zamarul belum menetapkan Devan dan Muzafar yang akan dilantik untuk mengetui perarakan itu.

- iii) Tuan Rizal semakin kaya dan berharta sekarang serta kedekut sikapnya.

- iv) Hasil dari perbincangan yang diadakan, Azaril dilantik sebagai ketua pasukan bola sepak sekolah.

- v) Jumlah penduduk yang akan dipindahkan di pusat penempatan mangsa banjir itu dijangka bertambah sekiranya hujan lebat berterusan.

(5 markah)

Soalan 2

Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah supaya menjadi satu ayat majmuk.

- i) Saya menyanyi lagu Melayu asli.
Saya menari.

- ii) Husairi membeli kereta baharu.
Kereta baharu itu berwarna biru laut.

- iii) Mak Timah menangis teresak-esak.
Mak Timah merindui anaknya.

- iv) Amirul berbadan kurus.
Abangnya berbadan gemuk.

- v) Encik Razin memaklumkan majikannya.
Encik Razin pergi ke Pulau Pinang.
Encik Razin menghadiri kursus keusahawanan.

(10 markah)

BAHAGIAN C

[15 markah]

Baca teks di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **usaha-usaha memartabatkan karya sastra**.

Karya sastra merupakan hasil seni dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan tertentu. Namun begitu, karya sastra semakin jauh ketinggalan contohnya novel akibat ledakan teknologi maklumat tanpa batasannya. Oleh itu, kita perlu bertindak untuk memartabatkan karya sastra sebaris dengan karya sastra antarabangsa.

Peranan ibu bapa dalam memartabatkan karya sastra kepada anak-anak amat penting kerana melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Pelbagai cara boleh dilakukan seperti membaca bahan sastra sebelum tidur, membeli karya sastra kepada anak-anak atau memberikannya sebagai hadiah. Kesannya, minat anak-anak terhadap karya sastra dapat dipupuk dan disemai dalam sanubari mereka.

Karya sastra khasnya sastra tradisional perlu mendapatkan sokongan daripada pihak media massa untuk diangkat sebagai sebuah karya yang berpengaruh dalam kalangan pembaca. Pihak media massa harus sentiasa membuat pengiklanan yang menarik kepada masyarakat. Mereka hendaklah mendedahkan keunikan dan keindahan sastra tradisional seperti gurindam, syair dan seloka kepada umum. Dengan cara ini, masyarakat terutamanya golongan muda akan tertarik untuk membacanya.

Pihak kerajaan juga boleh memainkan peranan dengan mengadakan pameran karya sastra atau kempen di seluruh negara. Dengan cara ini, karya sastra mampu dipertahankan terutamanya sastra tradisional agar tidak dilupakan oleh generasi kini.

Seterusnya, peranan pihak sekolah dalam memikul tanggungjawab untuk mempertahankan dan memartabatkan karya sastra. Hal ini demikian kerana tenaga pengajar ini amat berpengaruh kepada golongan pelajar dan boleh mendorong mereka mempelajari sastra tanpa dipaksa. Guru-guru boleh menggunakan pelbagai teknik dan kaedah pengajaran untuk menarik minat para pelajar agar mereka dapat menghayati karya sastra yang dipelajari. Selain itu, para pelajar juga harus memainkan peranan dalam memartabatkan karya sastra. Mereka boleh melibatkan diri dalam setiap program anjuran sekolah seperti Minggu Bahasa Melayu dan Kesusasteraan, mengambil bahagian dalam pertandingan berunsurkan sastra dan sebagainya. Dengan ini, mereka bukan sahaja dapat memupuk minat dalam bidang tersebut malahan dapat mencuba sesuatu yang baharu.

Setiap pihak bertanggungjawab mempertahankan dan memartabatkan karya sastra agar menjadi warisan

*Petikan membicarakan usaha-usaha memartabatkan karya sastra. Antaranya ialah

_____. Seterusnya,

_____. Selain itu, _____

_____. Di samping

itu, _____

_____. Akhir

sekali, _____

_____. Kesimpulannya,
